

Penutupan kasino Genting tidak jejas keuntungan

KUALA LUMPUR, Selasa — Syarikat Genting Berhad dikatakan mempunyai perniagaan yang cukup luas bidangnya untuk menghadapi sebarang kemungkinan penutupan kasinonya, menurut pakar-pakar pelaburan.

Mereka berkata, larangan menghalang pelanggan Islam dari berjudi tidak akan menjejaskan keuntungan perniagaan itu kerana bilangan mereka adalah kecil.

Kasino itu menjadi tumpuan perbincangan di Perhimpunan Agung UMNO hujung minggu lalu.

Datuk Seri Dr. Mahathir sewaktu menjawab soalan pemberita berkaitan satu laporan akhbar yang mengatakan kasino itu akan ditutup menerangkan, semua implikasi penutupan kemudahan itu akan dipertimbangkan.

"Perkara seperti ini memerlukan masa untuk kita memikirkannya," kata Perdana Menteri, "kita perlukan masa untuk melaksanakannya." Jurucakap Genting

pula memberitahu, mereka sedang menunggu arahan dari kerajaan.

Para pemerhati mengalu-alukan kenyataan Perdana Menteri yang mengatakan bahawa pusat pelancongan Genting Highlands akan terus hidup dan bahawa projek itu 'perlu diberikan sokongan'.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga dilaporkan berkata semalam, kerajaan akan memastikan projek pelancongan besar itu tidak akan runtuh.

Pakar-pakar pelaburan juga menyebut bahawa Perdana Menteri tidak mahu 4,000 pekerja di pusat itu kehilangan pekerjaan.

Di pasaran saham Kuala Lumpur, saham Genting jatuh 34 sen kepada \$3.12 semalam.

Saham syarikat itu merupakan yang paling aktif diniaga dengan lebih 12 juta unit saham bertukar tangan.

Laporan tahunan Genting tidak memberikan pecahan kecil kepada jumlah keuntungannya. Bagaimanapun, jangka

40-50 peratus dari keuntungan tahun lalu datang dari operasi kasinonya.

Di tahun-tahun akan datang, sektor perladangan syarikat itu dijangka menjadi sumber

pendapatan yang lebih penting.

Sementara itu, sektor harta-bendanya juga yang telah turut menghasilkan pen-

dapatan yang baik tahun

lalu mungkin akan turut menjadi penyumbang pendapatan penting di masa depan. — Bernama ES.